

## **MUT'AH AL-ṬALĀQ: JAMINAN HAK DAN PERLINDUNGAN WANITA SELEPAS PERCERAIAN**

### ***Mut'ah al-Talāq: A Guarantee of Rights and a Protection for Women Upon Divorce***

**Ros Asmaniza Abdul Latif<sup>1</sup>  
Raihanah Abdullah<sup>2</sup>**

#### **ABSTRACT**

*The claims for mut'ah al-ṭalāq worth millions of Ringgit have become a sensational headlines in the local newspapers in the recent years. It mostly involves high-profile personalities. Based on this phenomenon, it appears that women are becoming more assertive in claiming their rights after going through a divorce. It also indicates the increasing confidence of the Malaysian Muslim community in the Sharia judiciary, especially the women. As such, it is not a surprise to find that the number of women claiming their rights, post-divorce (such as the mut'ah al-ṭalāq) is on the rise. The growing awareness of their post-divorce rights among these highly successful women also illustrates the growth of their knowledge in matters such as education, careers and other livelihood issues. This article dissects the issues in relation to the*

<sup>1</sup> Ph.D Candidate, Department of Syariah and Law, Academy of Islamic Studies, University of Malaya, Kuala Lumpur.

<sup>2</sup> Associate Professor, Department of Syariah and Law, Academy of Islamic Studies, University of Malaya, Kuala Lumpur, raihanah@um.edu.my.


women's rights after divorce on mut'ah al-talāq. The views of the fiqh scholars on the matter of mut'ah al-talāq will be presented. In addition, the mut'ah al-talāq provisions in the Islamic Family Law will also be analyzed to discover the extent of the protection of the women's rights based on the Islamic Law of Malaysia.

**Keywords:** Mut'ah al-talāq, compensation, protection after divorce.

## PENDAHULUAN

*Mut'ah al-talaq*<sup>3</sup> merupakan satu-satunya hak yang khusus kepada wanita selepas berlaku perceraian tertakluk kepada syarat sebagaimana yang telah dipersetujui oleh para ulama' fiqh. Syarat yang dimaksudkan ialah perceraian yang berlaku adalah bukan disebabkan oleh isteri tetapi adalah kerana pilihan suami dengan sebab tertentu selain dari keaibah atau kecacatan yang terdapat pada isteri.

Mengenai pensyariatan *mut'ah al-talāq*, al-Quran menyebutkan secara jelas mengenainya, firman Allah SWT:

لَا جُنَاحَ عَلَيْكُمْ إِن طَلَقْتُمُ النِّسَاءَ مَا لَمْ تَمْسُوهُنَّ أَوْ تَفْرِضُوا لَهُنَّ فِرِিধَةً  
وَمَتَّعُوهُنَّ عَلَى الْمُوْسَعِ قَدْرُهُ وَعَلَى الْمُقْتَرِ قَدْرُهُ مَتَّعُمَاً بِالْمَعْوُفِ حَقَّا عَلَى  


*"Tidaklah kamu bersalah (dan tidaklah kamu menanggung bayaran mas kahwin) jika kamu menceraikan isteri-isteri kamu sebelum kamu sentuh (bercampur) dengan mereka atau (sebelum) kamu menetapkan mas kahwin untuk mereka. Walaupun demikian hendaklah kamu memberikan 'mut'ah' (pemberian saguhati) kepada mereka (yang diceraikan itu), iaitu suami yang senang (hendaklah memberikan saguhati itu) menurut ukuran kemampuannya, dan suami yang susah pula menurut ukuran kemampuannya, sebagai pemberian (saguhati) menurut yang patut, lagi menjadi satu kewajipan atas orang-orang yang mahu berbuat kebaikan".*

(Surah al-Baqarah, 2: 236)

<sup>3</sup> *Mut'ah al-talāq* adalah suatu istilah terhadap harta yang diwajibkan ke atas suami untuk diberikan kepada bekas isterinya selepas perceraian. Lihat Taqyu al-Dīn, *Kifāyah al-Akhyār* (Beirut: Dār al-Khayr, 1991), 373.

Ayat di atas membuktikan bahawa hak *mut'ah al-talāq* hendaklah ditunaikan oleh para suami sejurus selepas mereka menceraikan isteri-isteri mereka. Penangguhan atau pengabaian terhadap perintah Allah SWT adalah suatu kesalahan yang dikategorikan sebagai dosa atau maksiat, dalam erti kata lain tidak mentaati perintah Allah SWT. Selain itu, ia juga membuktikan bahawa Islam amat menitikberatkan tentang kebajikan wanita dan bukti bahawa Islam adalah agama yang benar-benar memelihara hak dan menjamin keadilan serta jaminan perlindungan kepada wanita terutamanya dalam situasi atau keadaan di mana golongan tersebut memerlukan perlindungan.

## PENSYARIATAN *MUT'AH AL-TALĀQ* DALAM AL QURAN

Nas atau dalil pensyariatan pertama tentang *mut'ah al-talāq* dapat dilihat di dalam surah al-Baqarah, ayat 236 seperti yang disebut terdahulu. Ayat ini, diturunkan disebabkan oleh satu peristiwa di mana seorang lelaki telah mengahwini seorang perempuan, tetapi ketika berlangsungnya akad perkahwinan, mas kahwin tidak ditentukan. Oleh kerana mereka telah bercerai sebelum berlaku persetubuhan, maka lelaki tersebut telah diperintahkan untuk memberikan *mut'ah al-talāq* kepada isteri yang diceraikan itu tanpa perlu diberikan mas kahwin. Peristiwa ini diceritakan oleh Bashār bin Mu'ādz yang dinukilkhan daripada Yazīd oleh Sa'īd dan Qatadah.<sup>4</sup>

Lelaki yang dimaksudkan di dalam peristiwa penurunan ayat 236 surah al-Baqarah itu ialah seorang lelaki daripada golongan Ansar dan perempuan yang dikahwininya adalah salah seorang daripada golongan Bani Hanifah. Berikut daripada itu, baginda bersabda kepada lelaki tersebut:

*"Berilah mut'ah al-talāq kepada isterimu walaupun dengan songkokmu itu".<sup>5</sup>*

Menurut tafsiran yang dibuat oleh pengarang kitab tafsir al-Mīzān fī Tafsīr al-Qur'ān<sup>6</sup>, ayat tersebut<sup>7</sup> bermaksud diwajibkan kepada para suami memberikan *mut'ah al-talāq* kepada isteri-isteri yang mereka ceraikan yang mana semasa berlangsungnya perkahwinan mereka, isteri-isteri tersebut

<sup>4</sup> Abī Ja'afar Muḥammad bin Jarīr al-Tabarī, *Jāmi' al-Bayān 'an Takwil Āyat al-Qur'ān Tafsīr al-Tabarī* (Mesir: Beirut al-Salām, 1st edn., 2005), vol. 2, 1361.

<sup>5</sup> Muḥammad Jamāl al-Dīn al-Qāsimī, *Tafsīr al-Qāsimī al-Musamma Mahāsin al-Takwīl* (Lubnan: Dār Ihyā al-Turath al-'Arabī, 1st edn., 1994), vol. 1, 576.

<sup>6</sup> Muḥammad Ḥusayn al-Tabātabāī, *Al-Mīzān fī Tafsīr al-Qur'ān* (Beirut: Mu'assasah al-Alāmī, 3rd edn., 1973), vol. 2, 245.

<sup>7</sup> Surah al-Baqarah, 2: 236.

belum lagi diberikan mas kahwin. Pemberian *mut'ah al-ṭalāq* itu mestilah sesuatu yang dapat memberi manfaat. Kadar atau nilai *mut'ah al-ṭalāq* juga bergantung kepada kedudukan dan kemampuan suami. Bagi suami yang mampu hendaklah menyediakan sesuatu yang sesuai dengan kemampuannya dan begitu juga sebaliknya. Hak terhadap *mut'ah al-ṭalāq* ini hanya khusus kepada isteri yang diceraikan dalam keadaan belum ditetapkan mas kahwin, ayat tersebut adalah dalil atau hujah yang menunjukkan bahawa *mut'ah al-ṭalāq* hanya wajib diberikan kepada isteri tersebut dan tidak termasuk isteri yang diceraikan selepas berlaku persetubuhan dan yang telah ditetapkan mas kahwin.

Ayat kedua yang menerangkan mengenai tuntutan *mut'ah al-ṭalāq* dapat di lihat di dalam ayat yang seterusnya melalui firman Allah SWT:



وَلِمُطْلَقَتِ مَتْعٍ بِالْمَعْرُوفِ حَقًا عَلَى الْمُتَّقِينَ

*“Kepada wanita-wanita yang diceraikan (hendaklah diberikan oleh suaminya) mut'ah menurut yang ma'ruf, sebagai suatu kewajiban bagi orang-orang yang bertakwa”.*

(Surah al-Baqarah, 2: 241)

Berdasarkan ayat di atas, Allah SWT secara terang menyatakan semua isteri yang diceraikan berhak mendapat *mut'ah al-ṭalāq* dan bukan hanya dikhurasukan kepada kategori atau golongan tertentu sahaja. Sesiapa sahaja tidak boleh menafikan maksud kalam Allah SWT yang umum tersebut kepada maksud khusus yang tersirat melainkan terdapat dalil atau hujah yang boleh membawa maksud sedemikian.<sup>8</sup>

## KEDUDUKAN *MUT'AH AL-TALĀQ* DARI PERSPEKTIF HUKUM

Pengulangan ayat berhubung arahan pemberian *mut'ah al-ṭalāq* oleh Allah SWT kepada bekas isteri yang diceraikan oleh suami membuktikan bahawa ia merupakan perkara yang perlu diambil perhatian dan difahami dengan keilmuan yang tinggi. Maksud tuntutan yang dikehendaki oleh Allah SWT di dalam ayat-ayat tersebut tidak dinyatakan dengan jelas sama ada ianya bermaksud harus, sunat mahupun wajib.

Oleh itu, para ulama' khususnya ahli-ahli tafsir dan fuqaha membuat pelbagai tafsiran mengenai maksud yang terkandung di sebalik perintah

<sup>8</sup> Abī Ja'afar Muḥammad bin Jarīr al-Ṭabarī, *Jāmi' al-Bayān 'an Takwil Āyat al-Qur'ān Tafsīr al-Ṭabari*, 1366.

tuntutan *mut'ah al-talāq* yang terdapat dalam ayat-ayat tersebut yang akhirnya mencetuskan pandangan dan pendapat yang berbeza terhadap penentuan hukum *mut'ah al-talāq*.

## 1. Pendapat Imām Mālik

Pandangan pertama ini adalah pandangan daripada Imām Mālik dan juga turut diperakui oleh al-Laith dan Ibn Abī Lailā<sup>9</sup> di mana beliau berpendapat bahawa hukum *mut'ah al-talāq* hanyalah sunat. Ini bermakna setiap suami yang micercaikan isteri mereka tidak diwajibkan memberikan *mut'ah al-talāq* kepada bekas isteri mereka.

Asas penentuan hukum tersebut dibuat berdasarkan firman Allah SWT:

حَقًا عَلَى الْمُحْسِنِينَ

“Kewajipan kepada orang-orang yang baik”.

(Surah al-Baqarah, 2: 236)

Kandungan ayat di atas membawa maksud golongan yang dipertanggung jawabkan dengan *mut'ah al-talāq* adalah orang-orang yang *ihsan* iaitu yang baik. Ini bermakna tuntutan pemberian *mut'ah al-talāq* adalah atas dasar ehsan serta perasaan belas kasihan seseorang suami terhadap isteri yang diceraikan dan tidak sebaliknya.

Oleh sebab itu, *mut'ah al-talāq* bukanlah sesuatu yang wajib, secara analogi jika ianya wajib tentunya Allah SWT tidak hanya mengkhususkan kepada orang-orang yang *muhsin* sahaja, malah ditujukan kepada semua golongan daripada kalangan orang-orang Islam.<sup>10</sup>

Berhubung dengan itu, pengarang kitab Hāsyiah al-Dusūqī mengatakan:

“Suami yang menceraikan isterinya, disunatkan agar diberikan *mut'ah al-talāq* kepada bekas isterinya, justeru itu ianya tidak dikira salah sekiranya tidak ditunaikan begitu juga kepada orang-

<sup>9</sup> Abī al-Walīd Sulaimān bin Khalāf al-Bājī, *al-Muntaqā* (Beirut: Dār al-Kitāb al-‘Arabī, n.d), vol. 4, 88; ‘Abd Allāh bin Aḥmad bin Qaddāmah al-Muqaddasī, *al-Mughnī* (Saudi Arabia: Maktabah al Riyādh al-Hadhīthah, n.d), vol. 6, 713; Muḥammad ‘Alisyh, *Syarh Manhu al-Jalīl* (t.t.p. n.d), vol. 2, 306; Abū Muḥammad ‘Alī bin Aḥmad bin Hażm, *al-Maħallī* (Beirut: al-Maktabah al-Tijāriyyah, n.d), vol. 10, 247; Abū Bakr Aḥmad bin ‘Alī al-Rāzī, *Aḥkām al-Qur’ān al-Jassās* (Beirut: Dār al-Kitāb, n.d), vol. 1, 428.

<sup>10</sup> ‘Abd Allāh bin Aḥmad bin Qaddāmah al-Muqaddasī, *al-Mughnī*, vol. 6, 713.

*orang yang berhutang, dalam konteks mut‘ah al-ṭalāq, tuntutan mut‘ah al-ṭalāq bukanlah sesuatu yang wajib, lebih-lebih lagi kepada penghutang iaitu suami yang mempunyai hutang”.*<sup>11</sup>

Begitu juga dalam kes suami yang menceraikan isteri dalam keadaan isteri yang belum disentuh atau disetubuhi dan telah diberikan mas kahwin, pihak suami tidak perlu memberikan *mut‘ah al-ṭalāq* tetapi hanya dituntut memberikan separuh atau sebahagian daripada nilaiann mas kahwin. Mengenai hal ini, Ahmad al-Dardīr turut menyentuh dengan mengatakan:

*“Suami yang menceraikan isteri sebelum berlaku persetubuhan dan telahpun diberikan mas kahwin juga dikecualikan daripada membayar mut‘ah al-ṭalāq kerana telah memperolehi separuh daripada nilaiann mas kahwin dan masih terpelihara kehormatannya (masih dara)”.*<sup>12</sup>

## 2. Pendapat Imām Shāfi‘ī dan Fuqaha lain

Pandangan kedua ini merupakan pendapat daripada Imām Shafūfī yang terkini (*qaūl jadīd*), Imām Mālik, Imām Ḥanafī, Imām Ahmad bin Ḥanbal, Ibn ‘Umar, Ibn ‘Abbās, Ḥasan, ‘Athā, Jabīr bin Zayd, Sha’bī, Nakhī, Thurī, Ishāq dan Abū ‘Ubayd.<sup>13</sup> Mereka berpandangan setiap isteri yang diceraikan berhak untuk mendapat *mut‘ah al-ṭalāq* dan diwajibkan kepada suami yang menceraikan isteri membayar atau memberi sejumlah *mut‘ah al-ṭalāq* kepada isteri yang berkenaan. Walau bagaimanapun, hukum wajib *mut‘ah al-ṭalāq* hanya terbatas kepada suami yang menceraikan isteri dalam kondisi atau keadaan tertentu di mana isteri yang diceraikan itu telah pun disentuh iaitu telah disetubuhi tetapi belum diberikan mas kahwin. Dalam keadaan yang sebaliknya pula, iaitu jika perceraian berlaku sebelum berlaku persetubuhan dan isteri telah menerima mas kahwin, pihak suami tidak diwajibkan membayar *mut‘ah al-ṭalāq* tetapi dia hendaklah membayar separuh daripada nilai jumlah mas kahwin.

<sup>11</sup> Al-Dusūqī Muḥammad bin Ahmad bin ‘Arfaḥ, *Hāsyiah al-Dusūqī* (Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, 1st edn., 1996), vol. 3, 341; Ibn al-Rusyd, Abū al-Walīd Muḥammad bin Ahmad, *Bidāyah al-Mujtahid* (Beirut: Beirut al-Kutub al-‘Ilmiyyah, 1st edn., 1996), vol. 4, 415; Ahmad al-Dardīr, *al-Sharḥ al-Saghīr*, (Beirut: Beirut al-Kutub al-‘Ilmiyyah, 1st edn., 1995), vol. 2, 401; Ibn Ḥasan al-Syāzīlī, Abū al-Ḥasan ‘Alī bin Nāṣir al-Dīn, *Kifāyah al-Tālib al-Rabbānī* (Beirut: Beirut al-Kutub al-‘Ilmiyyah, 1st edn., 1998), vol. 2, 11.

<sup>12</sup> Ahmad al-Dardīr, *al-Sharḥ al-Saghīr*, 2.

<sup>13</sup> ‘Imād al-Dīn Abī al-Fidā Ismā‘īl bin ‘Umar bin Kathīr (2004), *Tafsīr Ibn Kathīr*, 287; Muwaffiq al-Dīn bin Quddāmah, *al-Mughnī ‘alā Mukhtasar al-Kharqī*, (Mesir: Maktabah Ibn Taymiyyah li al-Thabā’ah wa al-Nashr, n.d), 713.

Kesimpulan daripada pendapat di atas, dapat dirumuskan bahawa hukum *mut'ah al-talāq* hanya wajib ke atas suami atau sebaliknya bergantung kepada kondisi atau keadaan isteri semasa diceraikan sama ada dia telah menerima mas kahwin atau belum menerima mas kahwin. Ini bermakna hak seorang isteri yang diceraikan dalam keadaan masih diberikan terhadap *mut'ah al-talāq* dilihat kepada sama ada dia telah menerima mas kahwin atau belum menerima mas kahwin. Jika isteri yang diceraikan itu telah menerima mas kahwin, maka dia tidak berhak mendapat *mut'ah al-talāq* dan suami tidak diwajibkan membayar atau memberi *mut'ah al-talāq*.

Imām Ahmad bin Ḥanbal menghukumkan *mut'ah al-talāq* wajib ke atas suami yang menceraikan isteri dalam keadaan isteri masih belum disetubuh dan belum disebut mas kahwin. Pandangan beliau ini adalah berdasarkan kepada ayat yang ke-236 daripada surah al-Baqarah. Firman Allah SWT:

لَا جُنَاحَ عَلَيْكُمْ إِن طَّافُتُمُ الْإِنْسَاءَ مَا لَمْ تَمْسُوهُنَّ أَوْ تَقْرِصُوْا لَهُنَّ فَرِيضَةً  
وَمَتَعُوهُنَّ عَلَى الْأَوْسِعِ قَدْرُهُ، وَعَلَى الْمُفْتَرِ قَدْرُهُ، مَتَعًا بِالْمَعْرُوفِ حَقًا عَلَى  
 المُحْسِنِينَ

*“Tidak menjadi kesalahan kepada kamu jika kamu menceraikan isteri-isteri kamu sebelum kamu menyentuh mereka atau sebelum diberikan mas kahwin kepada mereka, dan hendaklah diberikan kepada mereka *mut'ah*, bagi yang senang mengikut kemampuannya dan bagi yang susah mengikut memampuannya, berilah *mut'ah* dalam keadaan yang *ma'ruf* sebagai kewajipan ke atas orang-orang muhsin”.*

(Surah al-Baqarah, 2: 236)

Fahaman beliau terhadap arahan dan perintah *mut'ah al-talāq* di dalam ayat di atas adalah ditujukan kepada suami yang menceraikan isteri sebelum bersetubuh dan sebelum diberi mas kahwin kepada isteri. Arahan dan perintah tersebut membawa pengertian wajib. Pengertian lain hanya boleh dibuat sekiranya terdapat dalil atau ayat lain yang menerangkan maksud selain daripada perintah wajib. *Mut'ah al-talāq* juga wajib diberikan kepada isteri *mufawwadah* iaitu isteri yang dikahwini tanpa mas kahwin dengan persetujuan bersama di antara pihak suami dan juga isteri. Bagi perceraian yang sepatutnya dibayar atau diberi separuh daripada mas kahwin seperti perceraian kerana murtad yang juga dikiaskan kepada *talāq*. Manakala jika mas kahwin daripada benda atau barang yang *fāsid* atau tidak diiktiraf oleh syara' seperti arak atau

mas kahwin berbentuk sesuatu yang tidak dikenal pasti, suami diwajibkan memberi separuh daripada mas kahwin kepada isteri yang diceraikan. Pandangan ini merupakan pandangan yang masyhur di dalam mazhab Ḥanbali sebagaimana yang dinyatakan di dalam kitab al-*Inṣāf*.<sup>14</sup> Manakala bagi isteri yang bukan dari perkahwinan *mufawwadah*, hukum *mut’ah al-ṭalāq* adalah sunat berdasarkan firman Allah SWT dalam ayat 241 daripada surah al-Baqarah yang telah disebut sebelum ini.

Berikutan daripada ayat 241 tersebut, hukum *mut’ah al-ṭalāq* hanya wajib diberikan kepada isteri yang diceraikan dalam keadaan yang tidak disebutkan atau difardhukan mas kahwin. Berdasarkan daripada ayat al-Qur'an tersebut juga menjelaskan bahawa Allah SWT membahagikan golongan isteri yang diceraikan kepada dua<sup>15</sup> golongan dan setiap golongan ditentukan dengan hukum yang berbeza.<sup>16</sup>

Mengenai perkara ini juga, al-*Mīdānī* turut menyuarakan pandangan beliau menerusi kitab karangannya dengan mengatakan bahawa semua isteri yang diceraikan harus mendapat *mut’ah al-ṭalāq* sebagai suatu pemberian yang boleh meringankan kesedihan akibat perpisahan melainkan kepada isteri yang diceraikan dalam keadaan belum bersetubuh dan belum disebut mas kahwin di mana hukum *mut’ah al-ṭalāq* adalah wajib.<sup>17</sup>

Manakala Ibn Qudamah pula menukilkhan daripada pandangan Imām Hanabilah atau Ḥanbali dengan memetik kata-kata beliau:

*“Pandangan yang zahir atau jelas di dalam mazhab (Hanabilah) adalah hukum mut’ah tidak wajib kecuali kepada pasangan yang dikahwini secara *mufawwadah* yang mana belum disetubuh sebelum bercerai.”*<sup>18</sup>

<sup>14</sup> ‘Alā al-Dīn bin Ḥasan al-Māwardī, *al-Inṣāf* (Beirut: Dār al-Iḥyā al-Turāth al-‘Arabī, n.d), vol. 8, 300.

<sup>15</sup> Golongan yang bercerai sebelum bersetubuh dan sebelum ditentukan mas kahwin dan golongan yang diceraikan selepas bersetubuh dan selepas ditentukan mas kahwin.

<sup>16</sup> Ibrāhim bin Muḥammad bin ‘Abd Allāh bin Muḥammad bin Muflīh, *al-Mabdā* (Beirut: Al-Maktab al-Islāmī, n.d) vol. 7, 169; Maṇṣūr bin Yūnus al-Bahūtī, *Kashaf al-Qanā* (Makkah: Matba’ah al-Hukūmah bi Makkah, n.d), vol. 5, 177.

<sup>17</sup> ‘Abd al-Ghānī al-Ghānīmī, Al-Midānī, *al-Lubāb fi Sharh al-Kabīr* (t.t.p, n.d), vol. 2, 17-18.

<sup>18</sup> Ibn al-Qudāmah, Abū ‘Abd Allāh bin Aḥmad, 505.

Imām Hanafi pula membahagikan hukum *mut'ah al-ṭalāq* kepada dua hukum iaitu wajib dan sunat. Hukum *mut'ah al-ṭalāq* wajib<sup>19</sup> bagi isteri yang dikahwini secara ‘*mufawwadah*<sup>20</sup> kemudian diceraikan sebelum disentuh atau sebelum berlaku persetubuhan. Manakala sunat bagi semua isteri yang diceraikan setelah disentuh atau setelah berlaku persetubuhan sama ada telah disebut mas kahwin atau belum ditentukan mas kahwin.<sup>21</sup> Berhubung dengan perkara itu, ‘Alā al-Dīn berpendapat bahawa perbuatan *khalwah* iaitu berkhalwat atau berduaan sama sahaja kedudukannya dengan perbuatan *dukhūl* iaitu bersetubuh. Dengan itu membawa erti apabila tidak berlaku khalwat di antara suami dan isteri, ianya dikira tidak berlaku bersetubuh.<sup>22</sup>

Mengenai masalah tersebut, al-Mīdānī turut mengulas di mana beliau menyatakan *mut'ah al-ṭalāq* sunat diberikan kepada semua isteri yang diceraikan tanpa membezakan keadaan mereka semasa bercerai. Ini kerana dengan pemberian itu akan dapat mengubati kesedihan hati isteri yang terluka disebabkan perpisahan dengan suami setelah beberapa lama berkongsi hidup dan mengurangkan tekanan akibat perceraian. Berbeza pula hukum *mut'ah al-ṭalāq* isteri yang diceraikan dalam keadaan sebelum bersetubuh dan sebelum menerima mas kahwin dalam perkahwinan *mufawwadah*, bagi kategori ini hukum *mut'ah al-ṭalāq* adalah wajib.<sup>23</sup>

Dalam hal ini Imām Ḥanafī bersepakat dengan Imām Ḥanbalī, di mana Ibn Quddāmah mengungkap kembali kata-kata Imām Ḥanbalī di dalam kitabnya iaitu *al-Mughnī*:

“Pandangan yang jelas (*zahir*) dalam *mazhab* (*Ḥanbalī*) adalah *mut'ah ṭalāk* hanya wajib bagi isteri yang dikahwini

<sup>19</sup> ‘Alā al-Dīn Abī Bakr bin Mas’ūd al-Kāsānī al-Hanafī, *Badā’i‘ Sanā’i‘ fī Tartīb al-Sharā’i‘* (Mesir: Maṭba’ah al-Imām 13 Shāri’ Farqul al-Manshiah bi al-Qal’ah, n.d), vol. 3, 1422.

<sup>20</sup> Perkahwinan *mufawwadah* ialah perkahwinan tanpa mas kahwin semasa akad dengan persetujuan bersama di antara suami isteri kerana nikmat persetubuhan diibaratkan sebagai ganti mas kahwin.

<sup>21</sup> Abī al-Laith Naṣr bin Muḥammad bin Ibrāhīm al-Samarqandī, *Fatāwā al-Nawāzīl* (Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, 1st edn., 1425/2004), 182; Ibn ‘Ābidīn, *Hāshiyah Rād al-Mukhtār ‘alā al-Dār al-Mukhtār Sharh Tanwīr al-Mukhtār* (Mesir: Muṣṭafā al-Bābī al-Halabī wa Awlāduh, 2nd edn., 1386/1966), vol. 3, 111.

<sup>22</sup> ‘Alā al-Dīn Abī al-Ḥasan ‘Alī bin Khalīl al-Tharabīsī al-Ḥanafī, *Mu’tin al-Ḥukkām* (Mesir: Muṣṭafā al-Bābī al-Halabī wa Awlāduh, 2nd edn., 1393/1972), 319.

<sup>23</sup> Al-Mīdānī , *al-Lubāb fī Sharh al-Kitāb*, (t.t.p, n.d), vol. 2, 17-18.

dengan cara mufawadah kemudian diceraikan sebelum berlaku persetubuhan”.<sup>24</sup>

Jadual 1: Pandangan Imam Mazhab Terhadap Hukum *Mut‘ah al-Talāq*

	Isteri yang dicerai sebelum bersetubuh dan sebelum menerima mas kahwin	Isteri yang dicerai selepas bersetubuh dan selepas ditentukan mas kahwin	Isteri yang dicerai sebelum bersetubuh dan selepas ditentukan mas kahwin	Isteri yang dicerai selepas bersetubuh dan sebelum ditentukan mas kahwin
Hanafī	Wajib	Sunat	Wajib Perkahwinan <i>mufawadah</i>	Sunat
Shāfi‘ī	( <i>qawl qadim</i> ) Wajib	(Pandangan lama) Tidak disyariatkan	(Pandangan lama) Wajib	(Pandangan lama) Tidak disyariatkan
	( <i>qawl jadid</i> ) Wajib	(Pandangan baru) Wajib	(Pandangan baru) Wajib	(Pandangan baru) Wajib
Mālikī	Sunat *Wajib (perkahwinan <i>mufawadah</i> )	Sunat	Wajib	Sunat
Hanbalī	Wajib	Tidak disyariatkan	Wajib	Tidak disyariatkan

Sumber: Kitab-kitab fiqh karangan Imām Mālik, Imām Ḥanafī, Imām Shāfi‘ī dan Imām Ḥanbalī

Walaupun pelbagai pandangan hukum dinyatakan oleh *fuqaha*, pemilihan hukum yang paling sesuai dengan masa dan ‘urf setempat perlu dinilai untuk diimplementasikan dalam perundangan masa kini. Memandangkan masyarakat Malaysia majoritinya adalah daripada kalangan mazhab Shāfi‘ī, maka pandangan Imām Shāfi‘ī lebih diterima dan didahulukan. Ini kerana

<sup>24</sup> Ibn Qudāmah Abū Muḥammad Muwaffiq al-Dīn ‘Abd Allāh, *al-Mughnī*, 505.

pendekatan hukum beliau lebih sesuai dengan keadaan masyarakat di negara ini umpamanya dalam masalah hak terhadap *mut'ah al-talāq*. Memandangkan kadar perceraian yang semakin meningkat, secara tidak langsung ramai isteri yang berhak menerima *mut'ah al-talāq*. Oleh itu, hukum *mut'ah al-talāq* perlu diwajibkan bagi setiap isteri yang diceraikan sebagaimana yang telah diperuntukkan dalam undang-undang keluarga Islam sekarang. Namun begitu, perlu dijelaskan secara detil beberapa perkara iaitu tentang sebab-sebab yang melayakkan isteri untuk mendapat *mut'ah al-talāq* dan penentuan kadar yang sesuai berdasarkan formula tertentu. Manakala penguatkuasaan terhadap peruntukan *mut'ah al-talāq* mesti diperketatkan agar dengan penguatkuasaan tersebut dapat memberi perlindungan kepada hak wanita khususnya kepada para isteri yang diceraikan.

## KONSEP PERLINDUNGAN DALAM *MUT'AH AL-TALĀQ*

Secara dasarnya, maksud konsep perlindungan pensyariatan *mut'ah al-talāq* terkandung di dalam pengertian konsep *maqāṣid sharī'ah*<sup>25</sup> iaitu matlamat

<sup>25</sup> Antara istilah popular yang digunakan ialah *maqāṣid sharī'ah*, *maqāṣid al-sharī'* (Allah) dan *maqāṣid shara'*. Terdapat beberapa pengertian *maqāṣid* yang didefinisikan oleh ulama usul fiqh. Ibn al-Qayyim mendefinisikan *maqāṣid* sebagai *maṣlahah* (kebaikan), iaitu sama ada membawa *maṣlahah* atau menolak *mafsadah* (keburukan), beliau menegaskan bahawa syariah itu berasaskan kepada hikmah-hikmah dan *maṣlahah-maṣlahah* untuk manusia sama ada di dunia atau di akhirat. Perubahan hukum yang berlaku berdasarkan perubahan zaman dan tempat adalah untuk menjamin syariah dapat mendatangkan kemaslahatan kepada manusia. Lihat Ibn Qayyim al-Jauziyyah, *I'lām al-Muwaqi'iñ* (Beirut: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah, 1996), vol. 3, 37.

Manakala al-Qādhī 'Iyad pula menyifatkan *maqāṣid* sebagai mengelakkan kemudaratan. Beliau menyatakan berhukum untuk mengelakkan kemudaratan adalah wajib. Menurut Ibn al-'Arabī beliau menyifatkan *maqāṣid* sebagai mengelakkan kesusahan atau *mashaqqah*. Kata beliau lagi, "Tidak harus membebankan seseorang dengan apa yang ia tidak mampu". Lihat Nūruddīn Mukhtār al-Khādimī, *Al-Ijtihād al-Maqāṣid* (t.t.p, 1998), 49-50.

Ibn 'Asyūr mendefinisikan *maqāṣid* sebagai segala pengertian yang dapat dilihat pada hukum-hukum yang disyariatkan pada keseluruhannya atau sebahagian besarnya. Ini bermakna *maqāṣid* bukanlah pengertian yang dapat dilihat pada hukum-hukum tertentu secara khusus. Contohnya melahirkan kebaikan, menolak kejahatan dan konsep kesamarataan antara manusia yang ada pada setiap pensyariatan hukum-hukum syara'. Ibn 'Asyūr telah membahagikan *maqāṣid* dengan lebih terperinci lagi dengan mengkategorikannya kepada dua iaitu *maqāṣid* umum dan *maqāṣid* khusus. Menurut beliau *maqāṣid* umum ialah

---

*maqāṣid* yang dapat dilihat dalam hukum-hukum yang wajib dan melibatkan semua individu secara umum. Manakala *maqāṣid* khusus pula ialah cara yang digunakan oleh syariah bagi merealisasikan kepentingan umum melalui tindak tanduk perseorangan. Contohnya hukum merekodkan perjanjian hutang dalam bidang muamalat. Ada juga yang memahami *maqāṣid* sebagai lima prinsip islam yang asas iaitu menjaga agama, jiwa, akal, keturunan dan harta. Di satu sudut yang lain, ada juga ulama klasik yang menganggap *maqāṣid* itu sebagai logik pensyariatan sesuatu hukum. Lihat Muḥammad al-Tāhir al-Mīsawī, *Ibn ‘Āsyūr wa Kitābu Maqāṣid al-Syarī‘ah al-Islāmiyyah* (Mesir: Al-Basyāir li al-Intāj al-I’lmi, 1998), 171.

I'lal al-Fasī mendefinisikan *maqāṣid* sebagai matlamat syariah dan rahsia-rahsia pensyariatan setiap hukum (Islam). Beliau juga telah membahagikan *maqāṣid* kepada dua iaitu *maqāṣid* umum dan *maqāṣid* khusus. *Maqāṣid* umum ialah matlamat syariah secara umum, manakala *maqāṣid* khusus ialah rahsia di sebalik setiap hukum. Walau bagaimanapun definisi ini telah dikritik oleh Dr. Iwad bin Muḥammad al-Qarnī, beliau mengkritik pendefinisian ini dengan mengatakan bahawa perkataan rahsia adalah kurang sesuai digunakan kerana rahsia bukanlah *maqāṣid* secara mutlak. Ada kalanya sesuatu rahsia itu menjadi *maqāṣid* dan pada ketika lain ia bukanlah *maqāṣid* kepada sesuatu. Lihat I'wād bin Muḥammad al-Qarnī, *al-Mukhtasar al-Wajīz fī Maqāṣid al-Tashrī'* (Jeddah: Dār al-Andalus al-Khadrā', 1419H), 18.

Alḥmad al-Raisunī mendefinisikan *maqāṣid* sebagai matlamat-matlamat yang ingin dicapai oleh syariat demi kepentingan umat manusia. Beliau telah membahagikan *maqāṣid* dengan lebih teliti lagi berbanding dengan Ibn al-‘Āsyūr iaitu dengan membahagikannya kepada tiga bahagian, iaitu *maqāṣid* umum, *maqāṣid* khusus dan *maqāṣid* serpihan (juziyy). Menurut beliau *maqāṣid* umum ialah objektif yang diambilkira oleh syara' dalam menentukan semua atau sebahagian besar hukum syara', contohnya konsep keadilan dan kesamarataan (al-Musawah) yang terdapat dalam semua hukum syara'. *Maqāṣid* khusus ialah yang diambilkira oleh syariah dalam menentukan sesuatu atau beberapa kelompok hukum tertentu, contohnya hukum kekeluargaan. Manakala *maqāṣid* serpihan ialah yang diambilkira oleh syariah dalam menentukan sesuatu hukum tertentu, contohnya hukum sunat berkahwin. Namun apa yang menjadi topik perbincangan ilmu usul fiqh dan ilmu *maqāṣid* khasnya ialah *maqāṣid* umum. Manakala *maqāṣid* khusus menjadi topik perbincangan para fuqaha. Lihat Alḥmad al-Raisunī, *Nazariyyāt al-Maqāṣid ‘inda al-Imām al-Shāṭhibī* (Beirut: al-Ma'had al-‘Ālamī li al-Fikr al-Islāmī, 1992), 15. Kepelbagaiannya pengertian tersebut timbul di kalangan ulama' Usul Fiqh kerana ulama klasik seperti imam al-Shāfi‘ī tidak pernah mendefinisi istilah *maqāṣid* secara khusus. Al-Shāṭhibī yang dikenali sebagai pelopor kepada ilmu *maqāṣid* juga tidak pernah memberikan definisi khusus istilah *maqāṣid*. Ini mungkin disebabkan beliau merasakan bahawa umum sudah memahaminya. Lihat Ḥammād al-‘Ubaidī, *al-Shāṭhibī wa Maqāṣid al-Sharī‘ah* (Tripoli: Mansūrāt Kuliyyah al-Dā'wah al-Islāmiyyah, 1st edn., 1401/1992), 131.

Namun ini tidak bermakna mereka mengabaikan *maqāṣid* syara' di dalam hukum-hukum syara'. Pelbagai tanggapan terhadap *maqāṣid* dapat dilihat di dalam karya-

sesuatu hukum yang disyariat dan ditetapkan. Menurut al-Shatibī, setiap hukum yang disyariatkan oleh Allah SWT mempunyai matlamat tertentu iaitu bertujuan untuk memberikan kebaikan (*maṣlahah*) dan mengelakkan kerosakan atau keburukan (*mafsadah*) kepada semua manusia. Menurutnya, apa sahaja perkara yang disyariatkan oleh Allah SWT mempunyai tujuan yang tersendiri. Mengenai hal tersebut, beliau membahagikan matlamat syariah kepada tiga kategori iaitu *darūriyyat*, *hajiyat* dan *tahsiniyyat*.

Syariat telah menetapkan dasar perlindungan wanita selepas perceraian. Berdasarkan keterangan ayat al-Quran surah al-Baqarah ayat 236, terdapat empat klausa penting yang menjelaskan tentang *mut'ah al-ṭalāq*. Fasal pertama menerangkan berkenaan hukum perceraian di mana Islam membenarkan seorang suami menceraikan isterinya walau masih disentuh atau dalam pengertian yang lebih jelas ialah bersetubuh tetapi mesti diiringi dengan pemberian yang dinamakan *mut'ah al-ṭalāq*.<sup>26</sup> Fasal kedua, Islam juga mengharuskan perceraian bagi perkahwinan yang belum ditentukan mas kahwin atau sebelum diserahkan mas kahwin kepada pihak wanita iaitu isteri dan hendaklah diberikan *mut'ah al-ṭalāq*.<sup>27</sup> Dalam fasal ketiga pula dinyatakan tentang kadar atau nilai *mut'ah al-ṭalāq*. Bagaimanapun kadar *mut'ah al-ṭalāq* tidak ditentukan dengan jumlah tertentu. Ianya bergantung kepada pertimbangan kadi atau hakim yang menghakimi kedua-dua pihak suami isteri bagi kes di mana tiada persetujuan antara kedua-duanya. Asas petimbangan dalam kadar pemberian *mut'ah al-ṭalāq* adalah kemampuan pihak suami. Jika suami seorang yang mampu hendaklah dia memberikan *mut'ah al-ṭalāq* dalam nilai yang sesuai dengan kemampuannya. Manakala yang kurang berkemampuan pula hendaklah menyediakan *mut'ah al-ṭalāq* dalam kadar kemampuannya.<sup>28</sup> Fasal keempat pula dinyatakan bahawa *mut'ah al-ṭalāq* menjadi kewajipan dan tanggungjawab bagi orang yang baik (*muhsin*). Demikian empat perkara asas yang disebutkan di dalam al-Quran tentang *mut'ah al-ṭalāq*. Keempat-empat klausa tersebut menunjukkan bahawa *mut'ah al-ṭalāq* perlu dilaksanakan bagi orang yang *muhsin*.

---

karya mereka. Kita akan dapat tanggapan ulama klasik yang pelbagai inilah yang menjadi unsur dalam definisi-definisi yang dikemukakan oleh ulama mutakhir selepas mereka. Apa yang pasti ialah nilai-nilai *maqāṣid syara'* itu terkandung di dalam setiap ijtihad dan hukum-hukum yang dikeluarkan oleh mereka. Ini kerana nilai-nilai *maqāṣid syara'* itu sendiri memang telah terkandung di dalam al-Quran dan al-Sunnah. Kesimpulannya *maqāṣid sharī'ah* ialah matlamat-matlamat yang ingin dicapai oleh syariat demi kepentingan umat manusia.

<sup>26</sup> Surah al-Baqarah (2) ayat: 236.

<sup>27</sup> Surah al-Baqarah (2) ayat: 236.

<sup>28</sup> Surah al-Baqarah (2) ayat: 236.

## ASPEK PERLINDUNGAN DALAM *MUT'AH AL-ṬALĀQ*

Secara umumnya, pengertian yang dibawa melalui ayat-ayat yang menjelaskan tentang kewajipan pemberian *mut'ah al-ṭalāq* oleh lelaki kepada isteri yang diceraikan dapat disimpulkan bahawa terdapat dua aspek perlindungan yang dimaksudkan daripada ayat-ayat tersebut. Aspek yang dimaksudkan adalah aspek emosi atau perasaan dan aspek material atau kewangan. Kedua-dua aspek tersebut dapat dirumuskan berdasarkan penjelasan awal yang terkandung dalam surah al-Baqarah, ayat 236. Di dalam ayat tersebut dinyatakan berkenaan hukum keharusan perceraian, di mana Islam tidak menghalang perceraian tetapi jika itulah pilihan terakhir, maka hendaklah diberikan sesuatu yang bernilai untuk memujuk hati isteri yang diceraikan. Manakala di dalam ayat yang sama, Allah SWT memberi ruang kepada para suami dalam menentukan jumlah *mut'ah al-ṭalāq* berdasarkan kemampuan mereka. Bagi yang berkemampuan atau kaya, sewajarnya pemberian *mut'ah al-ṭalāq* yang diberikan kepada isteri yang diceraikan adalah dalam nilai yang tinggi dan sebaliknya pula kepada lelaki yang kurang berkemampuan sama ada seorang yang sederhana atau miskin, nilai *mut'ah al-ṭalāq* yang wajar adalah mengikut ukuran kemampuan diri mereka.

### 1. Perlindungan Emosi

Perlindungan dari aspek emosi dan perasaan merupakan sesuatu yang amat penting kerana manusia bukan sahaja hidup di atas jasad yang sempurna bahkan perlukan hidup yang tenang dan jiwa yang tenteram atau dengan kata lain perlu kepada kesihatan mental dan fizikal. Ini disebabkan fitrah kejadian manusia yang dijadikan daripada dua unsur iaitu unsur jasad dan ruh. Bukti ini dapat diperhatikan dalam sebuah hadith di mana Rasulullah SAW bersabda:

*“Sesungguhnya setiap daripada kamu dihimpunkan di dalam rahim ibu kamu selama 40 hari, kemudian membentuk menjadi seketul daging, kemudian membentuk menjadi seketul tulang, kemudian ditiupkan roh oleh malaikat yang diutuskan oleh Allah SWT dan Allah SWT memerintahkan malaikat menulis empat perkara iaitu rezekinya, ajalnya, amalan kehidupannya sama ada gembira atau derita. Maka tiada tuhan melainkanNya, sekiranya salah seorang daripada kamu mengerjakan perbuatan yang boleh membawa kepada syurga tetapi apabila jarak antara dirinya dan syurga sehengkal kemudian dia melakukan amalan yang boleh membawanya ke neraka, maka dia akan dimasukkan ke neraka. Sekiranya salah seorang daripada kamu mengerjakan perbuatan yang boleh membawa kepada neraka tetapi apabila*

*jarak di antara dirinya dan neraka sejengkal kemudian dia melakukan amalan yang boleh membawanya ke syurga maka dia akan dimasukkan ke syurga”.*

(Riwayat Muslim)<sup>29</sup>

Dalam pensyariatan *mut'ah al-talāq*, tentunya Allah SWT telah mengetahui implikasi atau kesan negatif yang akan dialami wanita selepas perceraian. Justeru itu, Allah SWT memerintahkan kepada lelaki yang menceraikan isteri mereka tanpa sebab yang munasabah di sisi syara' agar memberikan sesuatu barang atau apa sahaja nilai yang berharga untuk isteri yang diceraikan itu bertujuan untuk menolak kemudaratan yang berkemungkinan besar akan menimpa pihak isteri. Oleh sebab itu, sekiranya pihak suami tidak memberikan *mut'ah al-talāq* kepada isteri, undang-undang di dalam sesebuah negara (undang-undang yang memperuntukkan *mut'ah al-talāq*) mempunyai kuasa untuk mengambil tindakan dengan mengenakan hukuman terhadap suami berkenaan sesuai dengan kesalahannya sebagai membendung kemudaratan yang berlaku kepada isteri selepas perceraian. Manakala isteri juga mempunyai hak untuk menuntut *mut'ah al-talāq* di sisi undang-undang mengikut prosedur yang ditetapkan.<sup>30</sup>

## 2. Perlindungan Material

Keperluan material atau kewangan adalah sesuatu yang penting dalam pengurusan kehidupan. Bersesuaian dengan agama yang amat menitikberatkan kepentingan ummahnya, Islam telah menjadikan *mut'ah al-talāq* sebagai suatu tanggungjawab yang mesti dilaksanakan oleh para suami yang menceraikan isteri mereka dengan perasaan ikhlas dan ihsan. Kisah 'Alī r.a boleh dijadikan sebagai contoh terbaik sebagai seorang suami yang bertanggungjawab. Walaupun telah bercerai dengan isterinya, beliau tidak melepaskannya begitu sahaja tetapi telah memberikan sejumlah *mut'ah* yang tinggi kepada isterinya seraya berkata:

*“Pemberian yang tidak seberapa daripada seorang kekasih yang terpaksa berpisah”.*

<sup>29</sup> Abū Zākāriyā Yaḥyā Sharf al-Nawawī, *Šaḥīḥ Muslim bi Sharḥ al-Nawawī, Kitāb al-Qadr, Bāb Kayfiyah al-Khalāq al-Adāmī fī Batn Ummih wa Kitābah Rizqih wa Ajalih wa 'Amalih wa Syaqawatih wa Sa'datih* (t.t.p: Dār al-Taqwā, 2001), no. hadith 2643, vol.16, 183. Lihat Ṣalih bin 'Abd al-'Azīz, *Mawsū'ah al-Hadīth al-Shārif, al-Kutub al-Sittah, Šaḥīḥ Muslim* (Saudi Arabia: Dār al-Salām li al-Nasyr wa al-Tawzī' Kitāb al-Qadr, 3<sup>rd</sup> edn., n.d), 1138.

<sup>30</sup> Isteri yang diceraikan boleh membuat tuntutan di Mahkamah Syariah di negeri mana dia menetap.

## MUT'AH AL-TALĀQ DALAM UNDANG-UNDANG KELUARGA ISLAM DI MALAYSIA

Mengikut peruntukan dalam Undang-undang Keluarga Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1984 menyebut bahawa:

*“Selain haknya untuk memohon nafkah, seseorang perempuan yang diceraikan tanpa sebab yang patut oleh suaminya boleh memohon mut‘ah atau pemberian saguhati kepada Mahkamah”.*

Jika diteliti tafsiran *mut‘ah* di atas dapatlah dijelaskan bahawa *mut‘ah* ialah pemberian atau bayaran saguhati yang wajib diberi suami kepada isteri yang diceraikannya. Dalam kes *Nor Bee lwn Ahmad Shanusi*,<sup>31</sup> Kadhi Besar Dato’ Hj Harussani Haji Zakaria memberikan ulasan bahawa *mut‘ah* adalah pemberian yang diwajibkan oleh syarak kerana perceraian yang bukan dari sebab isteri dan dalam kes *Jaliah bte Hassan lwn Abu Bakar bin Wan Abdullah*,<sup>32</sup> Hakim Haji Mutualib bin Haji Mohamed Ali mengulas bahawa menurut pandangan Islam pemberian *mut‘ah* yang berupa saguhati dari pihak suami adalah satu perkara yang baik dan patut dilaksanakan kerana dengan adanya *mut‘ah* itu sekurang-kurangnya dapat mengurangkan beban yang ditanggung oleh seorang perempuan yang akan memulakan penghidupan baru setelah diceraikan<sup>33</sup>.

Oleh itu, semua isteri yang diceraikan tanpa sebab yang patut oleh suami mereka berhak menerima *mut‘ah al-talāq*. Suami wajib memberikan *mut‘ah al-talāq* kepada isteri yang diceraikan kerana ianya adalah tuntutan syara’. Mengabaikan kewajipan tersebut bermakna mencuaikan tuntutan agama dan ia adalah suatu kesalahan dan dianggap menyalahi syariat. Walaupun hukum *mut‘ah al-talāq* tidak disepakati oleh ulama’ daripada sudut wajib atau harus tetapi memandangkan negara Malaysia adalah majoriti rakyatnya berpegang dengan mazhab Shāfi‘ī, maka pendapat Imām Shāfi‘ī yang menjadi teras dalam perundungan syariah di Malaysia kini. Bagi pandangan Imām Shāfi‘ī, hukum *mut‘ah talāq* adalah wajib dan setiap isteri yang diceraikan berhak menerimanya sama ada perceraian berlaku sebelum atau selepas persetubuhan. Dalam kes *Normaidiah lwn Azhari*,<sup>34</sup> Kadhi Besar Pulau Pinang (pada ketika itu) Dato’ Hj. Harussani bin Haji Zakaria berkata:

<sup>31</sup> Jurnal Hukum Jld i, (1401/1980-1981), 63.

<sup>32</sup> Jurnal Hukum Jld vii, Bhg 1, 72.

<sup>33</sup> Raihanah Azahari, ‘Mut’ah al-Talāq: Wanita Manakah Yang Berhak Menerimanya’, dalam *Wanita dan Perundungan Islam* (Kuala Lumpur: Ilmiah Publishers Sdn. Bhd., 2001), 151

<sup>34</sup> Jurnal Hukum Jld i, (1401/1980-1981), 63.

*“Ulama’ Fiqh Mazhab Syafi’i menetapkan mut’ah itu wajib diberi kepada isteri-isteri yang diceraikan baik yang sebelum disetubuh, yang tidak menerima mahar ataupun isteri yang telah disetubuh sama ada talaq raj’ī atau ṭalāk ba’in seperti terdapat dalam kitab Qalyubī wa ‘Umayrah juz 3, halaman 290: ‘Bagi isteri yang diceraikan sebelum disetubuh maka dia mendapat mut’ah sekiranya ia tidak mendapat mahar dan begitu juga bagi yang diceraikan selepas disetubuh, perceraian yang bukan sebabnya’.*

Dalam hal ini, isteri yang berhak mendapat *mut’ah* ialah isteri yang diceraikan sebelum persetubuhan dan belum ditentukan mahar dan isteri yang diceraikan selepas persetubuhan meskipun telah mendapat mahar tetapi perceraian itu bukan disebabkan olehnya.<sup>35</sup>

## KESIMPULAN

Pensyariatan *mut’ah al-ṭalāq* melambangkan bahawa kedudukan wanita adalah sangat mulia di dalam Islam. Sejarah wanita pada zaman sebelum kedatangan Islam amatlah menyediakan kerana golongan wanita pada ketika itu tidak diberikan sebarang tempat dalam masyarakat. Mereka tidak ubah seperti boneka sebagai pemuas nafsu serakah lelaki dan dinafikan sebarang hak sama ada sebagai ahli keluarga dan juga sebagai anggota masyarakat. Perkara yang sama berlanjutan dalam masyarakat bukan Islam sehingga wanita bukan Islam terpaksa menuntut hak mereka dengan menubuhkan pelbagai gerakan yang antaranya dinamakan sebagai gerakan feminism. Tujuan mereka adalah ingin menuntut keadilan dan hak mereka yang didiskriminasi oleh golongan lelaki. Melihat kembali kepada keagungan Islam, kedudukan wanita tidak pernah dipinggirkan malah diberikan hak-hak khusus serta diberikan jaminan perlindungan dalam apa jua keadaan terutamanya dalam keadaan yang kritikal seperti dalam keadaan selepas perceraian. Justeru itu, hak *mut’ah al-ṭalāq* telah secara rasminya diberikan oleh syara’ kepada wanita sebagai salah satu manifestasi yang menunjukkan bahawa golongan ini telah diberikan jaminan perlindungan sepanjang hidup mereka dalam apa jua keadaan.

---

<sup>35</sup> Raihanah Hj Azahari, ‘Mut’ah al-Talāq: Wanita Manakah Yang Berhak Menerimanya’, 153.

## RUJUKAN

- ‘Abd al-Ghānī al-Ghānīmī, Al-Midānī, *al-Lubāb fī Sharḥ al-Kabīr* (t.t.p, n.d).
- ‘Abd Allāh bin Aḥmad bin Qudāmah al-Muqaddasī, *al-Mughnī* (Saudi Arabia: Maktabah al-Riyādh al-Hadīthah, n.d).
- ‘Alā al-Dīn Abī al-Ḥasan ‘Alī bin Khalīl al-Tharablīsī al-Ḥanafī, *Mu’īn al Ḥukkām* (Mesir: Muṣṭafā al-Bābī al-Halabī wa Awlāduh, 2nd edn., 1393/1972).
- ‘Alā al-Dīn Abī Bakr bin Mas’ūd al-Kāsānī al-Ḥanafī, *Badā’i‘ Sanā’i‘ fī Tartīb al-Sharā’i‘* (Mesir: Maṭba’ah al-Imām 13 Shārī’ Farqul al-Manshīah bi al-Qal’ah, n.d).
- ‘Alā al-Dīn bin Ḥasan al-Māwardī, *al-Insāf* (Beirut: Dār al-Iḥyā al-Turāth al-‘Arabī, n.d).
- Abī al-Laith Naṣr bin Muḥammad bin Ibrāhīm al-Samarqandī, *Fatāwā al-Nawāzīl* (Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, 1st edn., 1425/2004).
- Abī al-Walīd Sulaimān bin Khalāf al-Bājī, *al-Muntaqā* (Beirut: Dār al-Kitāb al-‘Arabī, n.d).
- Abī Ja’afar Muḥammad bin Jarīr al-Ṭabarī, *Jāmi’ al-Bayān ‘an Takwil Āyat al-Qurān Tafsīr al-Tabarī* (Mesir: Beirūt al-Salām, 1st edn., 2005).
- Abū Bakr Aḥmad bin ‘Alī al-Rāzī, *Aḥkām al-Qurān al-Jassās* (Beirut: Dār al-Kitāb, n.d).
- Abū Muḥammad ‘Alī bin Aḥmad bin Hazm, *Al-Maḥallī* (Beirut: al-Maktabah al-Tijāriyyah, n.d).
- Abū Zakāriyā Yaḥyā Sharf al-Nawawī, *Ṣaḥīḥ Muslim bi Sharḥ al-Nawawī, Kitāb al-Qadr; Bāb Kayfiyah al-Khalāq al-Adamī fī Batn Ummih wa Kitābah Rizqih wa Ajalih wa ‘Amalih wa Syaqawatih wa Sa’datih* (t.t.p: Dār al-Taqwā, 2001).
- Aḥmad al-Dardīr, *Al-Sharḥ al-Saghīr* (Beirut: Beirūt al-Kutub al-‘Ilmiyyah, 1st edn., 1995).
- Aḥmad al-Raisunī, *Naẓariyyāt al-Maqāṣid ‘inda al-Imām al-Shāthibī* (Beirut: al-Ma’had al-‘Ālamī li al-Fikr al-Islāmī, 1992).
- Al-Dusūqī Muḥammad bin Aḥmad bin ‘Arfah, *Hāsyiah al-Dusūqī* (Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, 1st edn., 1996).
- Ḩammād al-‘Ubaidī, *al-Shāthibī wa Maqāṣid al-Shari‘ah* (Tripoli: Mansūrāt Kuliyyah al-Da’wah al-Islāmiyyah, 1st edn., 1401/1992).
- Ibn ‘Ābidīn, *Hāshiyah Rād al-Mukhtār ‘alā al-Dār al-Mukhtār Sharh Tanwīr al-Mukhtār* (Mesir: Muṣṭafā al-Bābī al-Halabī wa Awlāduh, 2nd edn., 1386/1966).

- Ibn al-Rusyd, Abū al-Walīd Muḥammad bin Ahmad, *Bidāyah al-Mujtahid* (Beirut: Beirūt al-Kutub al-‘Ilmiyyah, 1st edn., 4 vols., 1996).
- Ibn Ḥasan al-Syāzilī, Abū al-Ḥasan ‘Alī bin Nāṣir al-Dīn, *Kifāyah al-Tālib al-Rabbānī* (Beirut: Beirūt al-Kutub al-‘Ilmiyyah, 1st edn., 1998).
- Ibn Qayyim al-Jauziyyah, *I'lām al-Muwaqqi'iñ* (Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, 1996).
- Ibn Quddāmah, Muwaffiq al-Dīn bin Qudāmah, *al-Mughnī 'alā Mukhtasar al-Kharqī*, (Mesir: Maktabah Ibn Taymiyyah li al-Thabā'ah wa al-Nashr, n.d.).
- Ibrāhim bin Muhamad bin ‘Abd Allāh bin Muhammad bin Muflīh, *al-Mabdā'* (Beirut: Al-Maktab al-Islāmī, n.d.).
- I'wād bin Muḥammad al-Qarnī, *al-Mukhtasar al-Wajīz fī Maqāṣid al-Tashrī'* (Jeddah: Dār al-Andalus al-Khadrā', 1419H).
- Jurnal Hukum Jld 1, (1401/1980-1981).
- Jurnal Hukum Jld VII, Bhg 1.
- Manṣūr bin Yūnus al-Bahūtī, *Kashaf al-Qanā'* (Makkah: Matba'ah al-Hukūmah bi Makkah, n.d.).
- Al-Mīdānī, *al-Lubāb fī Sharḥ al-Kitāb*, (t.t.p, n.d.).
- Muḥammad ‘Alisyh, *Syarḥ Manhu al-Jalīl* (t.t.p. n.d.).
- Muhammad al-Tāhir al-Mīsāwī, *Ibn ‘Āsyūr wa Kitābuhu Maqāṣid al-Syarī‘ah al-Islāmiyyah* (Mesir: Al-Basyāir li al-Intāj al-I'lmi, 1998).
- Muhammad Ḥusayn al-Tabātabāī, *al-Mīzān fī Tafsīr al-Qurān* (Beirut: Muassasah al-Alāmī, 3rd edn., 1973).
- Muhammad Jamāl al-Dīn al-Qāsimī, *Tafsīr al-Qāsimī al-Musamma Mahāsin al-Takwīl* (Lubnsn: Dār Iḥyā al-Turath al-‘Arabī, 1st edn., 1994).
- Nūruddīn Mukhtār al-Khādimī, *al-Ijtihād al-Maqāṣid* (t.t.p, 1998).
- Raihanah Azahari, ‘Mut’ah al-Talāq: Wanita Manakah yang Berhak Menerimanya’, dalam *Wanita dan Perundangan Islam* (Kuala Lumpur: Ilmiah Publishers Sdn. Bhd., 2001).
- Şālih bin ‘Abd al-‘Azīz, *Mawsū'ah al-Hadīth al-Sharīf, al-Kutub al-Sittah, Ṣaḥīḥ Muslim*, (Saudi Arabia: Dār al-Salām li al-Nasyr wa al-Tawzī' Kitāb al-Qadr, 3rd edn., n.d.).
- Taqyu al-Dīn, *Kifāyah al-Akhyār* (Beirut: Dār al-Khayr, 1991).

